

Manfaat 20 juta pengguna

» **SKMM**
pantau proses
pembayaran
mulai Jumaat

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kira-kira 20 juta pengguna perkhidmatan prabayar dalam kalangan rakyat tempatan akan menikmati rebat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi pembelian kad tambah nilai, mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2016.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, berkata beliau gembira kerana semua syarikat telekomunikasi kini sudah bersiap sedia untuk membayar rebat kepada pengguna kad prabayar mulai Jumaat ini.

"Ini akan memberi banyak manfaat kepada pengguna kad prabayar seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika membentangkan Bajet 2016 pada Oktober lalu.

BH 25 OKTOBER 2015 SELASA


Rebat prabayar setahun

» Bayaran
di kedai mulai
1 Januari 2016

Oleh Mohd Zakry Zainuddin
zakry@bh.com.my

Syarikat telekomunikasi di negara ini akan memberikan rebat kepada pelanggan prabayar individu warga negara Malaysia, selama satu tahun sepanjang 2016 bermula Januari ini.

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CPM) dalam satu kenyataan semalam berkata, langkah itu adalah selaras dengan pengumuman kerajaan ketika Bajet 2016 pada Oktober.



Pemberian rebat selaras dengan pengumuman kerajaan ketika Bajet 2016 pada Oktober lalu. (FOTO HASANI)

pada mulanya akan mendapat kredit sebanyak RM9.43, dimana GST (enam peratus) akan ditolak daripada tambah nilai berkenaan.

"Pelanggan akan menerima rebat 57 sen dalam

duan percukaian itu bagi semua barangan dan perkhidmatan yang digunakan," katanya.

Pastikan proses lancar CPM berkata, syarikat telekomunikasi

ga sudah dan akan melabur secara berterusan dalam menaik taraf rangkaian bagi memastikan pelanggan memperoleh pengalaman yang berkualiti," katanya.

Keratan **akhbar BH**, semalam.

"Saya sudah mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melakukan pemantauan dan bekerjasama rapat dengan syarikat telekomunikasi bagi memastikan proses itu berjalan lancar kerana keutamaan kita adalah melindungi kepentingan pengguna," katanya menerusi blog peribadi, semalam.

33 juta akaun prabayar
Ketika ini, pengguna perkhid-

matan prabayar mudah alih perlu membayar caj GST sebanyak enam peratus. Sebanyak 33 juta akaun prabayar mudah alih dilaporkan didaftarkan di negara ini, termasuk digunakan oleh warga asing yang tidak menikmati rebat itu.

Pada Bajet 2016 yang dibentangkan Oktober lalu, kerajaan mengumumkan mulai 1 Januari hingga 31 Disember 2016, pengguna warga tempa-

"Saya sudah mengarahkan SKMM memantau dan bekerjasama rapat dengan syarikat telekomunikasi bagi memastikan proses itu berjalan lancar bagi melindungi kepentingan pengguna"

Salleh Said Keruak,
Menteri Komunikasi
dan Multimedia

tan akan memperoleh rebat penggunaan kad prabayar bersamaan jumlah GST yang dibayar.

Ini bermakna pelanggan yang menambah nilai RM10 pada mulanya akan mendapat kredit sebanyak RM9.43 kerana GST (enam peratus) akan ditolak daripada tambah nilai berkenaan. Mulai 1 Januari ini, pelanggan akan menerima rebat 57 sen itu dalam tempoh 24 jam.